

MPP: Pro-Aspirasi UPM menang besar

Oleh LOKMAN HAKIEM
ABD. SAMAD

perigarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 29 SEPT.

CALON Pro-Aspirasi (Pro-A) berjaya mendominasi kemenangan dalam pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di Universiti Putra Malaysia (UPM) kampus Serdang dan Bintulu.

Menurut sumber, calon Pro-A menang besar 36 daripada keseluruhan 45 kerusi yang dipertandingkan dan baki sembilan kerusi dimenangi calon Smart UPM yang mewakili Pro-Mahasiswa (Pro-M).

Calon umum Pro-A yang menerima undian kedua tertinggi, **Mohd. Faisal Yusuf Yaakub** berkata, kemenangan besar barisan kepemimpinan berkenaan merupakan

satu tanggungjawab besar yang perlu terus digalas oleh pemimpin pelajar.

“Ribuan terima kasih diucapkan kepada 6,000 pelajar dari kampus UPM Serdang dan Bintulu kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk meneruskan perjuangan.

“Kemenangan ini adalah bukti bahawa mahasiswa semakin bijak dalam membuat penilaian kerana pemilihan yang dibuat berdasarkan kepercayaan akan lebih membantu menguatkan agenda yang diperjuangkan,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam

Sementara itu, **Nur Sabrina Marzuki**, 22, berkata, tahun ini dia melakukan percubaan berani apabila bertanding di kerusi umum kerana sebelum ini, dia pernah memenangi kerusi fakulti.

“Perasaan bertanding di

peringkat umum amat berbeza berbanding bertanding di peringkat fakulti kerana para pengundi terdiri daripada keseluruhan mahasiswa UPM berbanding menjadi calon fakulti yang pengundinya hanya terdiri daripada mahasiswa daripada fakulti berkenaan sahaja,” katanya.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Datuk Dr. Mohammad Shatar Sabran** berkata, mahasiswa semakin sedar mengenai tanggungjawab utama mereka sebagai pelajar dan tugas barisan pemimpin pelajar di kampus adalah sebagai pemudah cara untuk kebajikan pelajar.

“Pihak universiti mahu kebajikan semua pelajar terjaga dan lebih fokus untuk mencapai kejayaan yang cemerlang agar masing-masing menerima peluang yang cerah pada masa hadapan serta perpaduan di antara pelajar terus subur tanpa sebarang pertikaian,” katanya.



MOHAMMAD SHATAR